

# IS bakar manuskrip 800 tahun, musnah perpustakaan di Iraq

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

**Tidak** cukup dengan menceroboh Perpustakaan Utama di Mosul dan membakar 2,000 manuskrip serta buku yang dilarikan dengan enam trak, kumpulan militan Negara Islam (IS) membuat onar lagi di Perpustakaan Awam Mosul, pada minggu lalu.

Januari lalu, IS membakar 2,000 naskhah yang sebahagiannya ditulis lebih 800 tahun lalu kerana kononnya bahan berkenaan mempromosikan ketidakpatuhan kepada Tuhan yang mesti dihapuskan seperti yang dilaporkan AP.

Bagaimanapun, Isnin minggu lalu, ketika dunia tertumpu pada Anugerah Akademi di Amerika Syarikat (AS), penduduk Mosul sekali lagi menyaksikan tragedi yang tidak mampu terungkap dengan kata-kata apabila anggota IS memusnahkan himpunan manuskrip dan buku berkenaan.

Kali ini, mereka meningkatkan keganasan dengan membakar

Perpustakaan Awam Mosul yang menjadi 'kutub khanah' kepada 8,000 buku dan manuskrip lama.

"IS bertindak ganas dengan megebom perpustakaan itu meskipun penduduk Mosul cuba memujuk anggota kumpulan militan untuk tidak berbuat demikian," kata Pengarah Perpustakaan, Ghanim al-Ta'an yang dipetik oleh akhbar *The Fiscal Times*.

## Karya abad ke-19, jam pasir

Sementara itu, bekas Penolong Pengarah Perpustakaan Awam Mosul, Qusai Ali Farj, berkata perpustakaan berkenaan dibina pada tahun 1921 yang turut menjadi detik menyaksikan kelahiran Iraq moden.

Antara koleksi manuskrip yang dihimpunkan dalam perpustakaan itu termasuk tulisan pada abad ke-18, buku Syria yang dicetak di Iraq pada abad ke-19, buku dari empayar Turki Uthmaniyah, akhbar terbitan tempatan yang diterbitkan seawal abad ke-20 dan barangan antik seperti jam pasir.

Selain itu, institusi berkenaan juga menjadi perpustakaan peribadi kepada lebih 100 keluarga

ternama Mosul sejak abad lalu.

Ketika AS menjajah Iraq pada tahun 2003, perpustakaan yang sama mengalami kecurian dan dimusnahkan tetapi kemudiannya, penduduk berhampiran berjaya menyelamatkan kebanyakan koleksi yang ada. Sementara keluarga kaya di Iraq pula membeli semula buku yang dicuri dan menyerahkannya kepada perpustakaan itu.

Aktivis dan penulis blog di Mosul, Rayan al-Hadidi, berkata sekitar 900 tahun lalu, karya ahli falsafah Arab, Ibnu Sina pernah dibakar sehingga seorang anak muridnya menangis apabila menyaksikan kejadian itu.

## Kemarahan, kesedihan rakyat

"Bagaimanapun, Ibnu Sina menangkannya dengan mengatakan kemusnahan itu tidak beri kesan berbanding ilmu yang dimiliki anak didiknya. Saya menangis mengenangkan apa yang kita alami hari ini.



Manuskrip dan **buku yang terbakar** di Perpustakaan Awam Mosul, minggu lalu.



"Kemarahan dan kesedihan menguasai Mosul kini, malah laman web perpustakaan itu juga tidak beroperasi," katanya.

Pada hari sama perpustakaan itu dibakar, gereja dan panggung eksperimen di Universiti Mosul dibakar, manakala di wilayah al-Anbar di barat Iraq, dikhabarkan tindakan membakar buku menyebabkan 100,000 karya musnah.

Ketua Jawatankuasa Keselamatan dan Pertahanan Parlimen Iraq, Hakim al-Zamili, membandingkan tindakan IS dengan pemberontakan pada era Mongol yang menawan Iraq pada tahun 1258.

"Mereka memusnahkan per-

pustakaan utama yang menyaksikan kitab matematik, perubatan dan astronomi dicampak ke sungai sehingga warna air berubah menjadi hitam kerana dakwat.

"Bezanya Mongol mencampak buku ke Sungai Tigris, manakala IS membakarnya sehingga hangus. Cara berbeza tetapi mentaliti serupa," katanya kepada AP.

Iraq menjadi pusat peradaban, sehingga dianggap tempat kelahiran tamadun pertanian dan penulisan serta 'tuan rumah' kepada sejarah dan peradaban Sumeria, Akkadia, Assyria, Babylon dan Arab, selain menjadi saksi sekian banyak warisan budaya sejak era Mongol dan zaman pertengahan.